



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS	:	TEKNOLOGI MAKLUMAT DALAM PENDIDIKAN
KOD KURSUS	:	BBP 10102
PROGRAM	:	BBA, BBB, BBC, BBD, BBE, BBF, BBG
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2014 / JANUARI 2015
MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	1) JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN A 2) JAWAB TIGA (3) SOALAN SAHAJA DI BAHGIAN B





KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **TIGA BELAS (13)** MUKA SURAT

BAHAGIAN A

- S1** Terdapat satu era di mana kebanyakan pekerja terlibat dalam proses penciptaan, pengagihan dan penggunaan maklumat. Era tersebut merujuk kepada...
- A era pertanian
 - B era perindustrian
 - C era maklumat
 - D era teknologi
- S2** Teknologi maklumat terdiri daripada tiga komponen utama iaitu komputer, komunikasi dan ...
- A perkakasan
 - B tahu guna
 - C perisian
 - D pengetahuan
- S3** Manakah antara berikut paling tepat menerangkan tentang litar bagi komputer generasi pertama?
- A Tiub-tiub vakum untuk litar pemprosesan dan memori
 - B Transistor yang dipasangkan di papan litar
 - C Litar bersepadu dengan beribu transistor yang dipateri di dalam cip yang halus
 - D Teknologi LSI dan VLSI
- S4** Manakah antara berikut merupakan jenis komputer yang paling berkuasa antara semua komputer?
- A Komputer peribadi
 - B Komputer kerangka utama (mainframe)
 - C Komputer super
 - D Komputer mikro
- S5** Berikut ialah perisian sistem komputer, kecuali...
- A Microsoft Windows
 - B Linux
 - C MSDos
 - D Adobe Flash

- S6** *Page maker* merupakan perisian...
- A pangkalan data
 - B penerbitan meja
 - C hampan elektronik
 - D persembahan
- S7** X merupakan salah satu proses dalam kitaran pemprosesan maklumat komputer yang merupakan unit kawalan yang akan mengangkut arahan aturcara dan data daripada ingatan. Apakah X?
- A *Decode*
 - B *Fetching*
 - C *Excute*
 - D *Storing*
- S8** Pernyataan berikut adalah benar bagi Microsoft Word, kecuali...
- A aplikasi pemprosesan perkataan
 - B aplikasi menggunakan antaramuka *command-line*
 - C aplikasi penerbitan meja
 - D aplikasi menggunakan antaramuka grafik
- S9** Fungsi cantuman mel (mail merge) boleh memudahkan proses cetakan perkara yang berikut, kecuali...
- A sampul surat
 - B label alamat
 - C surat rasmi
 - D lukisan Clip Art
- S10** Di manakah letaknya komponen larasan jidar (margin) dan saiz kertas dalam Microsoft Word...
- A *Page Layout Ribbon*
 - B *Developer Ribbon*
 - C *Clipboard Tab*
 - D *Paragraph Tab*

S11 Manakah antara berikut merupakan butang yang fungsinya adalah setara dengan CTRL + U?

- A 
- B 
- C 
- D 

S12 Microsoft Power Point adalah salah satu contoh perisian...

- A pengumpulan maklumat individu
- B program persembahan elektronik
- C aplikasi pangkalan data
- D aplikasi pengeditan grafik

S13 Penetapan (setting) bagi animasi bergerak semasa di dalam *slide* Microsoft Power Point dikenali sebagai...

- A *Slide Transition*
- B *Slide Validation*
- C *Custom Animation*
- D *Custom Transformation*

S14 Ciri-ciri pemilihan dalam perisian persembahan adalah seperti berikut kecuali...

- A susunan dan jarak antara fon
- B pemilihan latar belakang yang sesuai
- C pemilihan warna yang banyak
- D susunan dan jarak antara grafik

S15 Terdapat banyak kelebihan menggunakan persembahan Microsoft Power Point. Manakah antara berikut bukan satu kelebihan perisian tersebut?

- A Mudah mengawal kelas.
- B Penyampaiannya menarik dan berkesan.
- C Mudah diolah untuk menjadi bahan pengajaran.
- D Guru sentiasa berhadapan dengan pelajar.

- S16** Manakah antara berikut merupakan langkah yang betul untuk memasukkan gambar dari *pendrive* ke dalam slide Microsoft Power Point?
- A *insert > picture > clip art*
 - B *insert > picture > word art*
 - C *insert > picture > from file*
 - D *insert > picture > auto shape*
- S17** Grafik memberikan maksud penggunaan visual untuk menerangkan konsep yang tidak dapat atau sukar diterangkan oleh teks, dan ia juga mampu menambah daya tarikan kepada sesuatu paparan atau persembahan, salah satu contoh grafik adalah ...
- A lukisan
 - B video
 - C animasi
 - D teks
- S18** Formula “SUM(C2, E2)” dalam Microsoft Excel bermaksud...
- A mencampurkan isi kandungan dari sel C2 hingga sel E2.
 - B mencampurkan isi kandungan sel C2 dan sel E2 sahaja.
 - C membuat purata isi kandungan dari sel C2 hingga sel E2.
 - D membuat purata isi kandungan sel C2 dan sel E2 sahaja.
- S19** Pertindanan antara lajur dan baris dalam Microsoft Excel dipanggil sebagai...
- A *cell*
 - B *container*
 - C *range*
 - D *worksheet*
- S20** Manakah antara berikut merupakan format fail *default* bagi Microsoft Excel?
- A .snd
 - B .ppw
 - C .doc
 - D .xls
- S21** Berikut merupakan kegunaan perisian hamparan elektronik kecuali..
- A menyusun dan mengisih rekod.
 - B kawalan terhadap data yang banyak.
 - C memaparkan maklumat dalam bentuk jadual dan carta.
 - D membuat pengiraan matematik, statistik, kewangan dan kejuruteraan berdasarkan formula dan fungsi.

- S22** Susunkan elemen yang berikut mengikut saiz (dari besar ke kecil).
- A *Record, field, byte, bit*
 - B *Bit, field, byte, record*
 - C *Field, byte, record, bit*
 - D *Byte, bit, record, field*
- S23** Ciri-ciri yang membenarkan pangkalan data untuk mengakses hanya rekod-rekod tertentu dalam pangkalan data ialah...
- A borang
 - B laporan
 - C pertanyaan
 - D jadual
- S24** Laman utama yang dipaparkan pada laman web dikenali sebagai...
- A laman HTML
 - B laman *home*
 - C laman *hypertext*
 - D laman *welcome*
- S25** Manakah antara berikut, bukan contoh pelayar web untuk internet ?
- A Microsoft Internet Explorer
 - B Opera
 - C Netscape Navigator
 - D Unix
- S26** Siri jujukan maklumat dan lokasi yang diperolehi untuk capaian maklumat melalui internet dirujuk sebagai...
- A WWW
 - B URL
 - C IPA
 - D DNS
- S27** Proses memuat naik fail daripada komputer kepada komputer yang lain dikenali sebagai proses
- A *Uploading*
 - B *Unloading*
 - C *Internet relaying*
 - D *Downloading*

S28 Capaian _____ adalah jenis capaian internet yang paling lambat.

- A *cable*
- B *satellite*
- C *dial-up*
- D *Digital Subscriber Line*


S29 Manakah antara berikut menerangkan maksud topologi rangkaian dengan tepat?

- A Susunan yang menghubungkan sekumpulan komputer dengan peranti sokongan yang lain
- B Susunan komputer yang digunakan untuk membuat analisis, perhitungan, perancangan dan permodelan dalam sesuatu rangkaian komputer
- C Susunan komputer yang digunakan bagi tujuan untuk memudahkan penerbitan dan percetakan dalam rangkaian
- D Susunan atau konfigurasi fizikal komputer dengan komputer lain dan peranti sokongan lain dalam sesuatu rangkaian

S30 Berikut adalah pernyataan yang benar mengenai HTML kecuali...

- A merupakan bahasa yang digunakan untuk membangunkan laman web.
- B ianya merujuk kepada satu bahasa piawai yang digunakan untuk menghasilkan dokumen hipermedia.
- C bahasa ini menentukan hubungan di antara halaman web dan juga elemen – elemen dalam laman web berfungsi
- D menentukan jenis pautan yang boleh digunakan iaitu sama ada pautan dalam bentuk teks, imej dan pautan untuk e-mel.

S31 Rajah S31 merujuk kepada jenis topologi...



Rajah S31

- A Mash
- B Bintang
- C Cincin
- D Pokok

- S32** Satu bilik komputer kecil yang terdiri daripada dua puluh komputer dan pencetak laser juga dirujuk sebagai _____ *area network*.
- A *limited*
 - B *line*
 - C *local*
 - D *little*
- S33** Terma “network topology” merujuk kepada...
- A sejenis jaringan internet yang boleh digunakan oleh pengguna sekiranya pengguna berada di dalam rangkaian tersebut.
 - B sejenis *network operating system* yang digunakan di dalam fail pelayan.
 - C gambaran fizikal komponen rangkaian, termasuk *workstations* dan kabel.
 - D strategi *contention-management* yang digunakan untuk menyelesaikan masalah pertembungan data.
- S34** Apakah yang dimaksudkan dengan kawalan kemudahan fizikal dalam kawalan keselamatan komputer?
- A Kaedah atau peranti yang memastikan ketepatan, kesahihan dan hakmilik aktiviti sistem maklumat.
 - B Kaedah untuk melindungi kemudahan fizikal dan kandungannya daripada hilang, dirosakkan atau diceroboh.
 - C Kaedah untuk sistem yang dibangunkan mengikut polisi organisasi.
 - D Kawalan ke atas tatacara yang dilarikan di dalam sistem.
- S35** Manakah antara berikut merupakan contoh pengkomputeran hijau?
- A Mematikan komputer peribadi dan peranti perisian apabila tidak digunakan.
 - B Memanfaatkan monitor yang menggunakan 40 dan 50 watt kuasa dalam mod siap sedia.
 - C Membuat salinan setiap e-mel yang di hantar.
 - D Mengesyorkan pencetak yang menggunakan antara 54 dan 60 watt kuasa.
- S36** Berikut merupakan beberapa panduan pengkomputeran selamat kecuali...
- A membuat salinan dengan kerap
 - B semak dan buang virus pada perisian cetak rompak yang ingin dipasang
 - C berhati-hati dengan perisian dari sumber terbuka
 - D menjaga kata laluan dengan serius

S37 Pilih pernyataan yang benar tentang topologi bintang.

- I Penghantaran data lebih laju jika kurang nod di dalam rangkaian.
 - II Mudah diubahsuai dan ditambah bilangan nod.
 - III Sebarang kerosakan pada nod tidak mengganggu keseluruhan rangkaian.
 - IV Sebarang kerosakan pada nod dapat dikesan dengan mudah dan pantas.
- A I dan III
 - B I, II dan III
 - C I, III dan IV
 - D I, II, III dan IV

S38 Mengapakah seseorang pengguna komputer perlu mematuhi kod etika penggunaan komputer ?

- I Memastikan hak pengguna komputer lain dihormati.
 - II Memastikan kesahihan data dan maklumat dipercayai.
 - III Mengurangkan pelanggaran isu hak cipta.
 - IV Menjamin penulis dapat berkarya dengan lebih banyak dan selesa.
- A I, II dan III
 - B I, III dan IV
 - C II, III dan IV
 - D I, II, III dan IV

S39 Berikut adalah contoh aplikasi Kerajaan Elektronik, iaitu...

- I Ujian Teori Berkomputer dan Pengeluaran Lesen
 - II Memandu (projek eKhidmat)
 - III Semakan Daftar Pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya (projek SPR)
 - IV Sistem Maklumat Pencen Bersepadu (POWER)
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C I, III dan IV
 - D Semua yang di atas

S40 Tele Kesihatan Malaysia dibina adalah untuk membolehkan...

- I orang awam merujuk simptom-simptom penyakit sebelum bersemuka dengan doktor bagi mendapatkan rawatan selanjutnya
 - II dijadikan sebagai pusat pengumpulan ringkasan maklumat peribadi pesakit yang mampu dipindahkan ke mana-mana pusat rawatan di seluruh negara
 - III sebagai perpustakaan dalam talian yang menyediakan maklumat tentang satu-satu penyakit secara terperinci selain menyediakan peluang belajar secara jarak jauh.
 - IV pembedahan dilakukan oleh doktor melalui panduan yang diberikan oleh pakar menggunakan perantaraan sidang video
-
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I, II dan III
 - D Semua yang di atas

BAHAGIAN B

- S41**
- (a) Apakah yang anda faham tentang “tahu-guna”? (2 markah)
 - (b) Nyatakan tiga (3) tanggungjawab asas pengguna teknologi maklumat. (3 markah)
 - (c) Nyatakan tiga (3) perkara yang terkandung dalam Bil Jaminan (*Bill of guarantees*) oleh kerajaan bagi menarik minat syarikat beroperasi di MSC. (3 markah)
 - (d) Bezakan antara data, maklumat dan pengetahuan. Berikan satu contoh bagi setiap satunya. (6 markah)
 - (e) Terdapat enam (6) undang-undang siber yang telah diluluskan oleh Parlimen. Sila nyatakan keenam-enam undang-undang siber tersebut (6 markah)
- S42**
- (a) Jelaskan apa yang dimaksudkan dengan komputer pelayan (server)? (4 markah)
 - (b) Senaraikan empat (4) jenis komputer yang boleh dijadikan komputer pelayan (server). (4 markah)
 - (c) Nyatakan empat (4) komponen dalam perisian sistem. (4 markah)
 - (d) Jelaskan bagaimana sistem pengoperasian menjalankan tugasnya bagi memastikan komputer dapat berfungsi dengan efektif. (8 markah)

- S43 (a) Untuk membina e-borang dalam Microsoft Word, pengguna perlu menggunakan komponen-komponen yang ada dalam *Control Tab* di dalam *Developer Ribbon*. Terangkan kegunaan, persamaan dan perbezaan komponen:
- (i) *Rich Text Control* dan *Text Control*.
 - (ii) *Combo Box Control* dan *Drop-Down List Control*.
- (6 markah)
- (b) Terangkan dua (2) kelebihan dan dua (2) kelemahan dalam perisian Microsoft Office Power Point.
- (4 markah)
- (c) Anda diminta oleh pengetua sekolah untuk membuat persembahan elektronik dalam satu program sekolah. Nyatakan lima (5) komponen multimedia yang boleh anda gunakan dalam persembahan tersebut dan huraikan secara ringkas setiap komponen multimedia yang dinyatakan.
- (10 markah)

- S44 (a) Soalan 4(a) hingga 4(b) adalah berdasarkan Rajah S4 berikut:

	A	B	C	D	E	F	G
1	Bil.	Nama	Bahasa Melayu	Matematik	Sejarah	Jumlah Markah BM dan Sej	Purata
2	1	Yee Mei Heong	87	98	75	162	86.7
3	2	Azita Ali	78	90	67	145	78.3
4	3	Fazlinda Ab Halim	90	90	78	168	86.0
5	4	Doria Islamiah Rosli	89	89	70	159	82.7
6	5	Wong Kah Leong	82	87	70	152	79.7
7	6	Azman Hassan	87	84	60	147	77.0
8	7	Woo Yoke Ling	78	95	70	148	81.0
9							
10							
11		Medium	87				
12		Mod					

Rajah S4

- (i) Berikan formula untuk mengira **Jumlah Markah BM dan Sej** bagi pelajar Yee Mei Heong.
- (2 markah)
- (ii) Tuliskan langkah-langkah bagaimana mengisi **Jumlah Markah BM dan Sej** bagi pelajar lain dengan cepat.
- (8 markah)

- (b) Nyatakan kelebihan dan kelemahan penggunaan pangkalan data berkomputer dalam menyimpan data yang banyak. (6 markah)
- (c) Nyatakan dengan jelas tentang peranan *Primary Key* dan bagaimanakah untuk menetapkan *Primary Key* bagi sesuatu medan yang dihasilkan (4 markah)
- S45** (a) Berikan definisi untuk HTML5 dan nyatakan kelebihan berbanding bahasa pengaturcaraan internet yang lain? (5 markah)
- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan rangkaian dan berikan dua (2) perbezaan antara rangkaian LAN dan rangkaian WAN? (5 markah)
- (c) Huraikan teknik-teknik yang perlu diambil bagi mengatasi masalah kesihatan dengan menghubungkan prinsip ergonomik dalam penggunaan peralatan teknologi maklumat. (10 markah)

-SOALAN TAMAT-